

Dr. Mahathir tiba untuk hadiri persidangan ASEM 4

UM 23 SEP 2002

COPENHAGEN 22 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asia-Eropah Keempat (ASEM 4) bermula esok.

Perdana Menteri yang diiringi oleh isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali tiba dengan pesawat khas dari London di Lapangan Terbang Antarabangsa Copenhagen di Kastrupp pada pukul 11.50 pagi.

Ketibaan beliau disambut oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Mohd. Fuzi Abdul Razak; Duta Malaysia ke Sweden, Datuk Syeed Sultan Seri Pakir dan Duta Denmark ke Malaysia, Lasse Reimann serta beberapa pegawai Malaysia dan Denmark.

Mesyuarat ASEM kali ini dijangka memberi tumpuan kepada isu keganasan di samping memperbaharui usaha mengukuhkan hubungan politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan di kalangan negara anggota.

ASEM dianggotai oleh 10 negara Asia dan 15 negara Kesatuan Eropah (EU) serta Suruhanjaya Eropah.

Anggotanya ASEM Asia ialah China, Jepun, Korea Selatan, Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, dan Vietnam.

Sidang kemuncak pertama ASEM diadakan di Bangkok pada 1996, diikuti oleh London pada 1998 dan Seoul pada 2000.

Atur cara pertama Perdana Menteri sebaik tiba hari ini ialah mengadakan pertemuan dengan pemimpin Asia untuk merangka satu pendirian bersama yang akan dibincangkan dengan para pemimpin Eropah apabila sidang bermula di Bella Centre di sini esok.

Pada sebelah malam, beliau menghadiri majlis makan malam tidak rasmi untuk pemimpin Asia dan Eropah yang diberikan oleh Perdana Menteri Denmark, Anders Fogh Rasmussen.

Majlis itu diadakan di Istana Kronsborg yang dibina di zaman pemerintahan Raja Frederik pada 1585.

Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dengan masyarakat Malaysia di sini sebelum berlepas pulang pada Selasa.

Sidang Kemuncak Asia-Eropah kelima dijangka diadakan di Vietnam pada 2002. — Utusan